

METRO - 09-12-2009 - RABU

Harga mahal punca keluar kayu tanpa lesen

KUANTAN: Permintaan menggalakkan selain harga yang mahal terhadap kayu bergergaji dikesan menjadi punca utama kegiatan membawa keluar kayu tanpa lesen oleh individu tidak bertanggungjawab.

Dalam tempoh satu hingga dua hari melakukan kegiatan berkenaan, sindiket dianggotai antara tiga hingga lima individu itu dikatakan mampu meraih pendapatan se-

hingga RM15,000 bergantung kepada jumlah dan spesies kayu.

Pegawai Pejabat Hutan Kuantan, Ismail Talib, berkata beberapa kawasan hutan simpan termasuk hutan simpan di Chini, Pekan dan Lepar, di sini menjadi lokasi utama kegiatan haram itu.

Menurutnya, aktiviti membawa keluar kayu bergergaji itu lebih mudah berbanding memindahkan kayu balak

yang memerlukan jentera selain tenaga kerja ramai.

"Minggu lalu, kita berjaya merampas 800 kayu bergergaji spesies keruing dan meranti bernilai lebih RM5,000 dipercayai untuk dihantar kepada pembeli di Melaka.

"Operasi di kawasan Hutan Simpan Lepar yang disertai 14 anggota unit penguat kuasa Jabatan Perhutanan daerah dan negeri itu turut merampas tiga mesin memotong

dan membelah kayu.

"Kita gagal menangkap individu yang melakukan aktiviti haram itu apabila berjaya melarikan diri selepas menyedari kehadiran anggota penguat kuasa," katanya ketika ditemui, semalam.

Beliau berkata, perhubungan mudah turut menjadi faktor aktiviti membawa keluar kayu bergergaji secara haram itu sering berlaku di kawasan Hutan Simpan Lepar.